

# PHENSEDYL® DRY COUGH LINCTUS

Promethazine hydrochloride/Pholcodine/Ephedrine hydrochloride (3.6mg/4mg/7.2mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Phensedyl
2. Bagaimana Phensedyl berfungsi
3. Sebelum mengambil Phensedyl
4. Cara menggunakan Phensedyl
5. Semasa menggunakan Phensedyl
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Phensedyl
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Phensedyl

Phensedyl digunakan untuk membantu melegakan batuk kering yang menjengkelkan pada waktu pagi dan malam.

## Bagaimana Phensedyl berfungsi

Nama ubat anda adalah Phensedyl Dry Cough Linctus (dipanggil sebagai Phensedyl dalam seluruh risalah ini). Phensedyl mengandungi kombinasi tiga bahan aktif:

- *Promethazine Hydrochloride* berfungsi menyekat tindakan bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alahan dalam saluran pernafasan.
- *Pholcodine* digunakan sebagai ubat perencat batuk yang mempunyai tindakan pada pusat batuk di dalam medula (satu bahagian dalam otak).
- *Ephedrine Hydrochloride* boleh melegakan kesesakan hidung dan sinus, supaya anda boleh bernafas dengan lebih mudah.

## Sebelum mengambil Phensedyl

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Phensedyl jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap *pholcodine, promethazine hydrochloride* atau *ephedrine hydrochloride*
- Tanda-tanda tindak balas alahan termasuk: ruam, masalah menelan atau bernafas, Bengkak bibir, muka, tekak atau lidah.
- Anda mengambil *monoamine oxidase inhibitor* (untuk merawat kemurungan), atau telah mengambil

*monoamine oxidase inhibitor* dalam tempoh 14 hari

- Anda mempunyai masalah hati
- Anda mempunyai asma

Jangan gunakan ubat ini jika mana-mana yang di atas berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Phensedyl.

*Kehamilan dan menyusukan bayi*  
Berbincang dengan doktor sebelum anda mengambil ubat ini jika anda sedang mengandung, mungkin mengandung atau fikir anda mungkin mengandung atau menyusukan bayi. Jangan gunakan ubat ini semasa mengandung tanpa nasihat perubatan.

### Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor anda sebelum mengambil Phensedyl jika:

- Anak berumur 2 tahun dan ke bawah
- Gunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak yang berumur di antara 2 hingga 6 tahun.
- Anda alah (hipersensitif) terhadap *sodium metabisulphite* (salah satu bahan dalam Phensedyl)

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana di atas berkenaan dengan anda, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Phensedyl.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin mengambil mana-mana ubat-ubatan di bawah kerana kombinasi ini adalah tidak digalakkan:

- Alkohol atau agen depresi sistem saraf pusat yang lain
- *Monoamine Oxidase Inhibitor* digunakan untuk merawat kemurungan.

## Cara menggunakan Phensedyl

Sentiasa mengambil Phensedyl tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu

menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Ambil ubat ini dengan mulut
- Jangan mencampurkan Phensedyl dengan cecair lain. Jangan mencairkannya.

### Berapa banyak harus digunakan

#### **Kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun**

- Dos biasanya ialah 2.5ml, dua atau tiga kali sehari

#### **Kanak-kanak berumur 5 hingga 10 tahun**

- Dos biasanya ialah 2.5 ~ 5ml, dua atau tiga kali sehari

#### **Kanak-kanak lebih daripada 10 tahun**

- Dos biasanya ialah 5 ~ 10ml, dua atau tiga kali sehari

#### **Dewasa**

- Dos biasanya ialah 5 ~ 10ml, dua atau tiga kali sehari

## **Phensedyl tidak digalakkan untuk digunakan pada kanak-kanak di bawah 2 tahun.**

### Bila perlu digunakan

Ambil Phensedyl pada waktu yang sama setiap hari kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya.

### Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil ubat anda selagi doktor anda memberitahu anda untuk meneruskannya.

### Jika terlupa menggunakan

- Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.
- Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, sila minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih Phensedyl daripada yang diperlukan, beritahu doktor anda atau pergi ke jabatan

kecemasan hospital dengan segera. Sila ambil pek ubat dengan anda.

Kesan-kesan berikut boleh berlaku:

**-Kanak-kanak**

- Keterujaan luar biasa
  - Kekurangan penyelarasan secara sukarela dalam pergerakan otot (ataksia)
  - Pergerakan menggelang-geliut di bahagian kaki dan tangan secara perlahan dan berterusan (atetosis)
  - halusinasi
  - Konvulsi
- Dewasa**
- Mengantuk
  - Coma
  - Konvulsi
  - Degupan jantung yang laju (takikardia)
  - Kesukaran untuk bernafas

**Semasa menggunakan Phensedyl**

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Phensedyl.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memberikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan gunakan ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Phensedyl, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

**Memandu dan menggunakan mesin**

Phensedyl boleh menyebabkan anda berasa mengantuk. Ia juga mungkin boleh mengurangkan keupayaan anda untuk menumpukan perhatian dan bertindak balas. Jika ini berlaku, jangan memandu atau mengendalikan apa-apa mesin.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat-ubatan mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

**Jangan terkejut dengan kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami dalam senarai ini.**

Anda berkemungkinan besar tidak akan mengalaminya.

**Beritahu doktor anda dengan segera jika anda notis mana-mana kesan sampingan yang berikut:**

- Mengantuk
- Loya
- Muntah
- Sembelit
- Sedasi
- Penglihatan menjadi kabur
- Kekeringan dalam mulut
- Pening
- Tekanan darah menjadi lebih tinggi atau lebih rendah
- Ruam

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Phensedyl**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Penyimpanan

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau capai.
- Jangan menggunakan Phensedyl selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label dan karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Simpan di bawah suhu 30°C. Elakkan daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi

diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Phensedyl berwarna coklat dan berperisa pisang. Ia boleh didapati dalam botol 90ml.

Bahan-bahan kandungan:

- Setiap 5ml mengandungi:
- 3.6mg Promethazine Hydrochloride
  - 4.0mg Pholcodine
  - 7.2mg Ephedrine Hydrochloride

Nombor MAL:

Phensedyl Dry Cough Linctus  
**MAL08091409A**

**Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Pengilang

Sanofi-Aventis Pakistan Limited,  
Plot No.23, Sector 22, Korangi  
Industrial Area, Karachi, Pakistan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sanofi-aventis (Malaysia) Sdn. Bhd.  
Unit TB-18-1, Level 18-1, Tower B,  
Plaza 33, No.1 Jalan Kemajuan,  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

Risalah ini disediakan pada 10 Sept 2015 (rujukan tarikh kemaskini Julai 2010)

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)100915/00313